



UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
Cawangan Perlis

Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis dengan ini mempelawa calon-calon Bumiputera Warganegara Malaysia yang berkelayakan dalam bidang-bidang yang berkaitan untuk mengisi kekosongan jawatan di Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis.

BIL	JAWATAN	GREED	SKIM PERKHIDMATAN	TARAF PERKHIDMATAN	JADUAL GAJI MINIMUM - MAKSIMUM
KUMPULAN PELAKSANA					
	KERANI	N19	Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi)	Tetap	RM1,352.00- RM4,003.00

SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan memiliki kelayakan seperti berikut:-

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c)
 - (i) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan. (Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM 1,352.00)
 - (ii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Tahap 2 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19: RM1,408.40)
 - (iii) Sijil Pelajaran Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan serta Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 3 dalam bidang berkaitan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya.
(Gaji permulaan ialah pada Gred N19 : RM1,464.80)

Dan

- (d) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (**sekurang-kurangnya Gred C**) dalam subjek **Bahasa Melayu** pada peringkat Penilaian **Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional** atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

Syarat Peningkatan Secara Lantikan

Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Bentara Parlimen, Pemandu Kenderaan, Penghantar Notis dan Pembantu Operasi adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk peningkatan secara lantikan ke jawatan Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) Gred N19, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan ;

- (a)
 - (i) Mempunyai kelayakan di perenggan 1(c) di atas; atau
 - (ii) Lulus Peperiksaan Khas; dan

- (b) Had umur pelantikan:
- (i) Berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau
 - (ii) Berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau
 - (iii) Berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun

PERHATIAN KEPADA PEMOHON

1. Permohonan hendaklah dibuat di dalam Borang Perjawatan Universiti Teknologi MARA.
2. Borang dan syarat-syarat permohonan boleh diperolehi dengan melayari laman sesawang UiTM Cawangan Perlis di <http://perlis.uitm.edu.my> atau boleh diperolehi di Bahagian Pentadbiran, Universiti Teknologi MARA Cawangan Perlis.
3. Setiap permohonan mestilah disertakan bersama salinan dokumen berikut yang telah **DISAHKAN**;
 - Kad Pengenalan
 - Sijil SRP/PMR, SPM/MCE, HSC/STPM atau setaraf
 - Diploma, Ijazah Sarjana Muda, Sarjana, PhD (Skrol dan Transkrip Akademik/Terperinci)
 - Surat Pengesahan Perkhidmatan daripada majikan sedia ada/terdahulu untuk mengambil kira pengalaman kerja/penetapan gaji
4. Permohonan daripada calon yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan atau badan-badan Berkanun **mestilah melalui ketua jabatan** dan hendaklah disertakan dengan **salinan kenyataan perkhidmatan yang dikemaskini**.
5. Permohonan yang tidak lengkap tidak akan diproses.
6. Hanya pemohon-pemohon yang layak dan disenarai pendek akan dipanggil untuk temuduga.
7. Pemohon-pemohon yang tidak menerima jawapan **selepas enam (6) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah **dianggap tidak berjaya**.

Tarikh tutup permohonan adalah pada **12 JUN 2020 (JUMAAT)**

Sila kemukakan permohonan kepada :



**TIMBALAN PENDAFTAR KANAN
BAHAGIAN PENTADBIRAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
CAWANGAN PERLIS
KAMPUS ARAU
02600 ARAU
PERLIS**

No. Tel : +(604)-9882000